

25/08/1999

Habibie, PM bincang isu semasa Asean

KUALA LUMPUR, Selasa - Proses pemulihan ekonomi, suasana politik semasa serta peranan Asean dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa adalah agenda utama rundingan Malaysia dan Indonesia sempena lawatan sehari Presiden B J Habibie, ke sini esok.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Habibie akan berunding dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, diikuti mesyuarat peringkat pegawai kerajaan.

Pertemuan kali ini adalah yang ketiga di antara kedua-dua pemimpin. Kali terakhir di Batam, Indonesia, pada Mei lalu.

Bagi Habibie, ini adalah lawatan kedua beliau ke Malaysia sejak mengambilalih tampuk pemerintahan dari Suharto. Kali pertama ialah pada November tahun lalu apabila beliau menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Habibie juga dijadual mengadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Istana Negara pagi esok.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Syed Hamid berkata kedua-dua pihak juga akan membincangkan soal kepentingan dua hala, termasuk isu yang belum selesai di antara Malaysia dan Indonesia.

Perbincangan isu kepentingan bersama akan memberi tumpuan kepada isu pendatang tanpa izin, jerebu, kerjasama dalam bidang pendidikan dan teknikal, selain isu Timor Timur dan Aceh yang mungkin turut dibincangkan.

Mengenai isu pekerja asing, Syed Hamid berkata Malaysia mahu mengurangkan bilangan mereka.

Habibie mengetuai delegasi 80 anggota, termasuk beberapa menteri Kabinet dan pegawai kanan kerajaan.

Syed Hamid berkata, pertemuan kali ini adalah sebagai susulan kepada rundingan di Batam, bagi membolehkan kedua-dua pihak menilai proses pemulihan ekonomi masing-masing.

"Dalam pertemuan sebelum ini, kami biasanya membincangkan soal makroekonomi, proses pemulihan ekonomi, suasana politik termasuk bagaimana meningkatkan lagi hubungan dua hala," katanya.

Beliau juga menganggap penting bagi kedua-dua negara terus membincangkan isu kebakaran hutan di Indonesia yang menyebabkan jerebu di Asia Tenggara, sejajar keputusan Asean menyelesaikan bersama masalah berkenaan.

(END)